

KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH

23 APRIL 2019

.....

**1. OPERASI SERAHAN WARAN TAHANAN TUNGGAKAN CUKAI
TAKSIRAN**

Dimaklumkan bahawa operasi serahan waran tahanan akan bermula pada 24 April 2019 ke atas pemilik premis yang gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran. Pemilik premis dinasihatkan agar menjelaskan tunggakan dengan SEGERA bagi mengelakkan pemilik premis dikenakan waran tahanan dan sitaan harta alih dilaksanakan oleh MPSP.

Bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi. Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Sebarang masalah, sila hubungi pihak MPSP di talian 04-5497470 / 471 / 696/ 790 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

2. MAJLIS CABUTAN BERTUAH DAN PENYAMPAIAN HADIAH PROMOSI CUKAI PINTU 2019

Sukacita dimaklumkan Majlis Cabutan Bertuah dan Penyampaian Hadiah Promosi Cukai Pintu 2019 akan diadakan pada petang hari ini 23 April 2019 (Selasa) pada pukul 2.45 petang bertempat di Perkarangan Lobi, Menara MPSP, Bandar Perda. Kesemua 75 pemenang dipilih melalui proses cabutan yang diadakan pada Mac 2019 yang lalu. Pada hari ini para pemenang dijemput untuk hadir bagi menentukan kedudukan hadiah yang bakal dimenangi dan dibawa pulang.

Sehubungan dengan itu, saya dengan ini menjemput semua Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua-Ketua Jabatan dan para media untuk bersama-sama berada di Perkarangan Lobi, Menara MPSP Bandar Perda bagi sama-sama menjayakan dan memeriahkan majlis pada petang ini. MPSP sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua pemenang-pemenang yang telah berjaya.

3. SAMBUTAN HARI PEKERJA 2019

Dimaklumkan bahawa Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2019 (Rabu). Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada seluruh warga kerja di Seberang Perai khususnya warga kerja MPSP. Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

4. MPSP CAR FREE MORNING PADA 5 MEI 2019 (AHAD)

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP akan diadakan pada 5 Mei 2019 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Car Free Morning pada bulan ini berkolaborasi bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam penganjuran Program Sukan Wanita dan Veteran Peringkat Negeri Pulau Pinang. Terdapat pelbagai aktiviti yang menarik antaranya aktiviti zumba, pertandingan bola jaring 3 lawan 3, permainan kanak-kanak, pemeriksaan kesihatan dan banyak lagi aktiviti menarik.

Antara agensi yang turut serta adalah Penggerak Komuniti Muda Pulau Pinang (PEKA) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). PEKA akan mengumpul baju PRELOVED , barangan dapur, barangan mandian dan permainan

untuk diagihkan kepada golongan miskin. Semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

5. SAMBUTAN AWAL RAMADHAN

Dimaklumkan bahawa umat Islam dijangka akan menyambut bulan Ramadhan al-Mubarak pada 6 Mei 2019 (Isnin). Justeru, saya dengan rasa kesyukuran ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam di Seberang Perai.

6. GROWTH MARKET, AUTOCITY

Dimaklumkan bahawa Program Growth Market akan diadakan pada 12 Mei 2019 di Autocity, Juru bermula jam 8.00 pagi hingga 12 tengah hari. Program ini diadakan setiap Ahad minggu kedua, program ini bertujuan mewujudkan kesedaran kepada pengunjung mengenai kesedaran kitar semula dan penanaman secara organik.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah jualan produk berasaskan barangan kitar semula, sayur-sayuran organik, pameran kesihatan dan pameran LA 21 (Local Agenda 21). Program ini secara tidak langsung dapat membantu penduduk mencari pendapatan sampingan. Sehubungan dengan itu, tuan-

tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam program ini.

7. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Wesak kepada semua penganut agama Buddha yang bakal meraikannya pada 19 Mei 2019 (Ahad). Oleh itu, keesokan harinya merupakan hari kelepasan am.

8. PROGRAM TEMASYA BAGAN @ BUTTERWORTH ART WALK BULAN MEI 2019

Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Think City Sdn. Bhd. dengan kerjasama Zart Eventive memutuskan pada Mei 2019 tidak akan ada Temasya Bagan dan hanya akan berlangsung selepas berakhirnya bulan Ramadhan.

9. NUZUL AL-QURAN

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Nuzul Al-Quran yang bakal disambut pada 22 Mei 2019 (Rabu), dan hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

10. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan Program Senamrobik Bersama MPSP di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth dan Taman Berjaya, Nibong Tebal tidak akan diadakan pada bulan Mei 2019 (sepanjang Ramadhan). Program Senamrobik Bersama MPSP hanya akan berlangsung selepas berakhirnya bulan Ramadhan.

11. KARNIVAL 8R BERSAMA JCI (JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL) BATU KAWAN

Dimaklumkan setiap Ahad minggu terakhir akan diadakan Karnival 8R anjuran bersama JCI Batu Kawan. Karnival 8R ini akan dijalankan pada 26 Mei 2019, diadakan di Pasar Awam Kota Permai. Tujuan Karnival ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penggunaan bijak (smart consumption) bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan. 8R yang dimaksudkan adalah Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle.

SEKIAN, TERIMA KASIH.